

**PERANCANGAN BAGI PENGEKALAN PELANCONGAN
DI PANTAI KEMASIK, TERENGGANU**

NOR SAZARINA BHUTI MOHD ABDULLAH

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

LP 41 FPE 2 2009



1100089081

Perancangan bagi pengekalan pelancongan di Pantai Kemasik, Terengganu / Nor Sazarina Mohd Azmi.



**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NOR ZAHRAH

PERANCANGAN BAGI PENGEKALAN PELANCONGAN DI
PANTAI KEMASIK, TERENGGANU

NOR SAZARINA BINTI MOHD AZMI
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)

JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)
2009

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 30/04/2009

..... 

(NOR SAZARINA BT MOHD AZMI)
UK 13962

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date : 30/04/2009

..... 

(NOR SAZARINA BT MOHD AZMI)
UK 13962

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya saya berjaya menyiapkan Laporan Kertas Projek/Latihan Ilmiah Prasiswazah Tahun Akhir ini dengan sempurnanya dalam masa yang telah ditetapkan walaupun terpaksa melalui pelbagai rintangan dan halangan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Najit Bin Sukemi, selaku ketua penyelaras kertas projek prasiswazah tahun akhir, yang merupakan pensyarah Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi UMT yang telah banyak memberi maklumat dan panduan berkenaan dengan pemilihan penyelia dan juga berkenaan dengan prosedur-prosedur yang perlu diikuti oleh setiap pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan juga kepada Dr.Azlina Binti Abd Aziz, selaku penyelia kertas projek,Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang juga merupakan pensyarah Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi UMT kerana telah banyak memberikan penerangan serta tunjuk ajar kepada pelajar bagi memastikan proses penyediaan kertas projek ini berjalan lancar.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa dan keluarga saya yang sedikit sebanyak telah memberikan sokongan, dorongan dan pertolongan sepanjang proses menyiapkan kertas projek ini. Ribuan terima kasih juga kepada kawan-kawan yang secara tidak langsung turut sama-sama memberikan idea yang berkualiti.

Akhir kata, saya tujukan ucapan terima kasih ini kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas kerjasama yang diberikan sepanjang proses menyiapkan kertas projek ini. Terima kasih daun keladi, budi, jasa dan tunjuk ajar kalian akan menjadi ingatan.

Sekian, Terima Kasih

ABSTRAK

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang penting bagi sebuah negara. Negara yang mampu mengekalkan pembangunan sektor pelancongan yang berterusan dan mapan secara tidak langsung dapat memajukan sektor ekonomi di negara tersebut dengan peningkatan hasil melalui kemajuan dalam sektor pelancongan. Justeru, kajian ini merupakan kaedah perancangan bagi pengekalan pembangunan pelancongan. Kajian dilakukan di Pantai Kemasik, Terengganu. Fokus utama adalah untuk melihat sejauh mana kepuasan pelancong terhadap kemudahan yang disediakan di kawasan pantai berkenaan. Data yang digunakan adalah data primer yang diperolehi melalui hasil soal selidik ke atas seratus orang responden. Melalui hasil soal selidik, komen dan bentuk perancangan yang diberikan oleh responden dianalisis bagi menunjukkan sejauh mana bentuk perancangan tersebut mampu mengekalkan aktiviti pelancongan di kawasan kajian. Analisis data yang dibuat adalah menggunakan kaedah analisis deskriptif dan juga analisis regresi. Hasil kajian yang diperolehi mendapat bahawa pembolehubah yang terlibat adalah signifikan yang menunjukkan bahawa wujud hubungan di antara pembolehubah bersandar dan juga pembolehubah bebas. Secara tidak langsung, kaedah bagi pengekalan pembangunan pelancongan ini bukan sahaja boleh diperaktikkan di Pantai Kemasik, Terengganu sahaja malahan juga di seluruh kawasan pelancongan di Malaysia amnya.

ABSTRACT

Tourism sector is one of the important sectors in Malaysia. Besides developing the economic sector the country can maintain sustainability in its tourism sector by receiving increased revenues from tourism activities. This research is an effort to formulate some plans and procedures that will help the country to sustain its tourism development. This is a case study conducted in Kemasik Beach, Terengganu and the study also focused on the utility and facilities that are provided for the tourists in the area. The study interviewed hundreds of tourist respondents using a set of structured questionnaire in order to collect primary data. The data were then analyzed using descriptive statistics and regression models. The results, however, showed that the relationship between dependent and independent variables are significant. The findings of the study could be used for promoting sustainable tourism development in Kemasik Beach, Terengganu as well as other areas of Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	viii
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	5
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	8
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	10
1.5 SKOP KAJIAN	11
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	11
1.7 KESIMPULAN	12
 BAB 2: SOROTAN KAJIAN	
2.1 PENGENALAN	13
2.2 SOROTAN KAJIAN	13
2.3 KESIMPULAN	18

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	PENGENALAN	19
3.2	TEKNIK PENGUMPULAN DATA	19
3.2.1	KAEDAH PERSAMPELAN	19
3.2.2	BORANG SOAL SELIDIK	20
3.3	KAEDAH KAJIAN	21
3.3.1	KAEDAH ANALISIS DESKRIPTIF	22
3.3.2	KAEDAH REGRASI	22
3.3.3	MODEL KAJIAN	22
3.4	KESIMPULAN	24

BAB 4: ANALISIS KAJIAN

4.1	PENGENALAN	25
4.2	ANALISIS DESKRIPTIF	25
4.2.1	BAHAGIAN A	26
4.2.2	BAHAGIAN B	34
4.2.3	BAHAGIAN C	40
4.3	ANALISIS REGRASI	41
4.4	KESIMPULAN	42

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	PENGENALAN	43
5.2	RUMUSAN HASIL KAJIAN	43
5.3	CADANGAN PENGEKALAN PELANCONGAN	45
5.4	KESIMPULAN	46

RUJUKAN	47
----------------	-----------

LAMPIRAN	48
-----------------	-----------

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Pemandangan Batu Besar di Pantai Kemasik	6
Rajah 4.1 : Jantina Responden	26
Rajah 4.2 : Kategori Umur Responden	27
Rajah 4.3 : Agama Responden	28
Rajah 4.4 : Kategori Bangsa Responden	28
Rajah 4.5 : Negeri Asal Responden	29
Rajah 4.6 : Daerah Tempat Tinggal Responden	29
Rajah 4.7 : Status Perkahwinan Responden	30
Rajah 4.8 : Tahap Pendidikan Responden	31
Rajah 4.9 : Jenis Pekerjaan Responden	32
Rajah 4.10 : Pendapatan Bulanan Responden	33
Rajah 4.11 : Tujuan Berkunjung ke Pantai Kemasik	34
Rajah 4.12 : Kekerapan Berkunjung ke Pantai Kemasik	35
Rajah 4.13 : Pengetahuan berkenaan Pantai Kemasik	35
Rajah 4.14 : Pendapat tentang Pantai Kemasik	36
Rajah 4.15 : Kepuasan terhadap Kemudahan yang Disediakan	37
Rajah 4.16 : Komen terhadap Persekutaran Pantai Kemasik	37
Rajah 4.17 : Perancangan Pengekalan Pelancongan	38
Rajah 4.18 : Rancangan Pengekalan yang Dicadangkan Responden	39
Rajah 4.19 : Penilaian Kawasan Kajian	40

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab 1 ini menceritakan tentang pengenalan terhadap sektor pelancongan di Terengganu, pengenalan terhadap latar belakang kawasan kajian yang dikaji, dan permasalahan kajian yang mendorong kepada bermulanya kajian ini. Selain itu, melalui bab ini juga turut dijelaskan tentang kepentingan, skop, dan objektif kajian.

1.1 PENGENALAN

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang penting bagi sesebuah negara. Negara yang mampu mengekalkan pembangunan sektor pelancongan yang berterusan dan mapan secara tidak langsung dapat memajukan sektor ekonomi di negara tersebut dengan peningkatan hasil melalui kemajuan dalam sektor pelancongan. Selain itu, sektor pelancongan yang maju juga menjadikan sesebuah negara itu dikenali di serata dunia sebagai tapak pelancongan yang unggul. Peningkatan hasil akibat jumlah kedatangan pelancong asing yang semakin bertambah inilah yang dikatakan mampu mengembangkan pembangunan ekonomi di sesebuah negara yang terkenal sebagai pusat pelancongan yang diiktiraf.

Di Malaysia, bagi tahun 2007, jumlah ketibaan pelancong asing telah melepas sasaran, mencatatkan rekod kunjungan 20.97 juta pelawat, dengan 245,302 daripadanya adalah dari Asia Barat. Jumlah ini meningkat 31.3 peratus berbanding tahun 2006. (Sumber : Bernama.com). Peningkatan ini membuktikan bahawa lebih banyak pelancong dan dari Asia Barat kini sedar tentang destinasi yang mempunyai nilai tambah yang ditawarkan oleh Malaysia.

Lima destinasi pelancongan di Malaysia yang paling popular di kalangan pelancong Asia Barat ialah Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi, Genting Highlands dan Sunway Lagoon.(Sumber : Bernama.com). Disebabkan inilah sebuah negara yang kaya dengan keindahan alam semulajadi bagi kawasan pelancongannya wajar mengekalkan di samping sentiasa mewujudkan cara atau kaedah bagi meningkatkan kemajuan sektor pelancongan negara berkenaan.

Malaysia juga terkenal sebagai sebuah negara yang kaya dengan pelbagai kawasan pelancongan semulajadi yang menarik seperti pantai-pantai peranginan yang sesuai untuk bersantai, pulau-pulau yang menarik, di samping keindahan kawasan air terjun untuk aktiviti riadah. Kebanyakan negeri di Malaysia mempunyai keindahan dan keunikan kawasan pelancongannya yang tersendiri. Di antaranya termasuklah Pantai Teluk Chempedak di Pahang, Pantai Port Dickson di Negeri Sembilan, Pulau Pangkor di Perak, Pulau Perhentian di Terengganu dan banyak lagi. Melalui pengekalan sektor pelancongan ini, Malaysia mampu mengekalkan pembangunan ekonominya yang maju dan mampan di samping menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang dikenali.

Negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Peningkatan sumbangan sektor pelancongan kepada KDNK Negeri Terengganu adalah sebanyak 10% pada akhir Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu(RPNT), 2004-2008. Kedatangan pelancong terutama pelancong asing telah meningkat mulai tahun 2004. Cabaran sektor ini ialah untuk memastikan pelancong menginap dalam jangka masa yang lebih lama. Dengan ini perbelanjaan mereka akan meningkat dan sekali gus menyumbang kepada ekonomi negeri. Dan sehingga kini, telah ada peningkatan peratusan sumbangan ini dari 3.5% pada tahun 2004 kepada 5.1% pada tahun 2005.(Sumber : petikan jurnal pdf Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu, 2004-2008).

Terengganu juga merupakan sebuah negeri yang sedang dinaik taraf bagi meningkatkan kemajuan sesetengah sektor termasuk sektor pelancongan seperti yang diperkatakan dalam Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region*) atau ECER merupakan wilayah pembangunan ekonomi di Malaysia yang dirasmikan pada hari Selasa, 29 Oktober 2007 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi. Program atas inisiatif kerajaan pusat ini merupakan program ekonomi ketiga selepas Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di utara Semenanjung Malaysia. ECER melibatkan tiga buah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan serta daerah Mersing di Johor. Luas kawasan yang terlibat ialah 66,736 kilometer persegi atau 51 peratus daripada keluasan Semenanjung Malaysia. ECER melibatkan 3.9 juta penduduk. Pembangunan ECER ini adalah selama 12 tahun dari tahun 2007 hingga 2020. Peneraju utama ialah perbadanan minyak dan gas iaitu Petronas. Teras utama pembangunan khususnya menerusi sektor pelancongan adalah membina kemudahan pusat peranginan dan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan pesisir pantai. Strategi ini bakal menarik kehadiran 7.4 juta pelancong luar negara dan 21.4 juta pelancong tempatan menjelang 2020.

Kawasan pelancongan yang terkenal di negeri Terengganu termasuklah kawasan pelancongan pantai, air terjun, pulau-pulau yang menarik dan juga taman-taman rekreasi yang kaya dengan pelbagai flora dan fauna yang mampu memikat setiap pelancong yang datang. Antara tempat pelancongan yang terkenal di Terengganu termasuklah Pantai Batu Buruk, Pulau Redang, Pulau Kapas, Pulau Perhentian, Hutan Lipur Sekayu, Tasik Kenyir dan banyak lagi kawasan pelancongan lain di Terengganu yang dikatakan kurang dikenali oleh masyarakat tempatan mahupun masyarakat dari luar. Kawasan pelancongan yang kurang dikenali ini termasuklah Pantai Kemasik, Pantai Kelulut, kawasan Air Terjun Belukar Bukit, Pantai Kijal dan banyak lagi yang biasanya merupakan kawasan pelancongan yang jauh dari kawasan bandar dan kurang dipromosikan.

Pantai Kemasik merupakan salah satu pantai yang kurang dikenali terutamanya bagi sebahagian masyarakat luar. Kewujudannya lebih diketahui secara terperinci oleh masyarakat terutamanya di daerah Kemaman. Walaupun pantai ini dikatakan mempunyai keunikannya yang tersendiri, namun kewujudannya masih lagi tidak diketahui secara umum. Keunikannya terletak pada latar belakang pemandangan pantai yang berkonsepkan ciri seperti sebuah pulau. Di samping itu, terdapat juga sebuah perkampungan nelayan yang begitu mempamerkan ciri-ciri kedesaan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah merupakan perancangan yang perlu dibuat bagi mengekalkan aktiviti pelancongan di Pantai Kemasik di negeri Terengganu. Pelancongan merupakan suatu sektor yang penting dalam pembangunan ekonomi terutamanya bagi ekonomi negeri Terengganu.

Perancangan bagi pengekalan pelancongan melalui kajian ini adalah dari segi pemeliharaan biofizikal kawasan pelancongan yang dikaji. Perancangan ini juga turut dibuat berdasarkan kepada penilaian terhadap persekitaran biodiversiti kawasan kajian, musim, dan juga kemudahan infrastruktur yang disediakan. Contoh perancangan yang dikaji adalah terhadap kaedah pemeliharaan kawasan kajian, penyediaan penginapan yang baik, dan lain-lain. Perancangan pengekalan pelancongan ini juga bagi memastikan kesesuaian kawasan kajian untuk rekreasi di samping ketahanannya daripada kesan aktiviti pelancong. Pendekatan ini bagi memastikan juga pembangunan pelancongan di Pantai Kemasik dapat dikekalkan untuk masa hadapan.

1.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN


Pantai Kemasik merupakan salah sebuah pantai di Negeri Terengganu yang biasa dikunjungi oleh masyarakat setempat pada waktu petang terutama ketika hujung minggu. Terletak di sekitar 10 kilometer ke utara Bandar Kijal, Pantai Kemasik merupakan pantai yang cantik dan perlu dikunjungi sekiranya melalui sepanjang jalan pantai di Terengganu tersebut. Pemandangan pantainya yang indah dan bersih sangat sesuai untuk berkelah, aktiviti perkhemahan, bermain layang-layang, atau dengan hanya duduk bersantai di pasir pantai yang memutih. Para pengunjung juga dapat memanjat sebuah batu besar yang terdapat di Pantai Kemasik dan dari situ, mereka dapat menikmati pemandangan laut yang membiru dari sudut yang lebih jelas.

Di suatu sudut yang lain, dapat dilihat sebuah perkampungan nelayan yang terletak di muara Sungai Kemasik yang begitu menampakkan ciri-ciri kedesaan yang lebih menjadikan pemandangan pantai kelihatan begitu menarik jika dilihat dari jauh. Pantai Kemasik mendapat namanya melalui Sungai Kemasik ini.

Seperti kawasan pantai-pantai yang lain, pengunjung dikatakan lebih gemar untuk berjalan di sepanjang Pantai Kemasik ketika waktu senja di saat matahari terbenam. Pemandangan pantai ini dikatakan juga tidak membosankan kerana ia merupakan sebuah pantai yang bercirikan konsep seperti sebuah pulau sebagai latar belakangnya.

Rajah 1.1

Pemandangan Batu Besar di Pantai Kemasik



Sumber : <http://www.malaysiavacationguide.com>

Pantainya juga berombak dan beralun perlahan yang begitu sesuai untuk aktiviti mandi-manda dan kawasannya adalah selamat untuk para pengunjung. Namun, aktiviti mandi manda di pantai ini adalah selamat mengikut musim bermula bulan April hingga bulan Oktober. Air laut akan jadi lebih bergelora dengan ombak yang sedikit kuat apabila tiba musim tengkujuh iaitu bermula pada bulan November hingga bulan Mac. Kemudahan bagi tempat persalinan dan tandas awam juga disediakan bagi kegunaan para pengunjung.

Selain itu, terdapat juga sebuah taman mini dan taman permainan kanak-kanak berhampiran Pantai Kemasik bagi aktiviti riadah. Pelbagai gerai makanan juga boleh didapati di kawasan berkenaan bagi pengunjung yang ingin menikmati bermacam-macam jenis makanan ringan dan makanan tempatan masyarakat Terengganu. Antaranya adalah seperti Keropok Lekor dan Keropok Keping yang dibuat daripada daging ikan segar yang dicampur dengan sagu.

Sekiranya pengunjung memandu sendiri untuk ke Pantai Kemasik, mereka disarankan untuk melalui lebuh raya Pantai Timur menuju ke Kuala Terengganu. Apabila sampai di sempadan Negeri Terengganu, pengunjung akan melalui Bandar Kemaman dan terus memandu ke Bandar Kijal. Pengunjung perlu memandu perlahan apabila tiba sahaja di Bandar Kijal sehingga akan nampak papan tanda menuju ke Pantai Kemasik.

Bagi pengunjung yang tinggal di Kuala Lumpur sebagai contohnya yang ingin ke Pantai Kemasik menggunakan bas, mereka perlu membeli tiket di perhentian bas Hentian Putra dari Kuala Lumpur ke Kijal, Terengganu. Mereka perlu tiba di Bandar Kijal atau Bandar Kerteh dan perlu dapatkan teksi untuk ke Pantai Kemasik. Ini kerana Pantai Kemasik terletak di antara Bandar Kijal dan Bandar Kerteh. Kijal adalah sebuah bandar kecil yang dapat dilihat sebelum tiba di Pantai Kemasik manakala Kerteh merupakan sebuah bandar yang dapat dilihat selepas melalui jalan ke Pantai Kemasik.

Selain itu, pengunjung luar yang datang dengan menaiki kapal terbang juga tidak seharusnya terlepas peluang untuk mengunjungi Pantai Kemasik yang indah dan unik ini. Mereka perlu mengambil penerangan terus ke Kuala Terengganu. Dari Lapangan Terbang Kuala Terengganu, pengunjung perlu mendapatkan teksi menuju ke Marang.

Apabila tiba di Bandar Kijal ataupun Bandar Kerteh, pengunjung boleh menginap di hotel-hotel dan tempat penginapan yang berhampiran seperti Awana Kijal Beach, Golf and Spa Resort atau Kerteh Inn atau juga Hotel Sri Buana.

Restoran makanan segera dan tempatan juga turut disediakan di bandar-bandar berkenaan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengunjung yang datang ke Pantai Kemasik. Antara tempat makan yang disyorkan adalah seperti di Restoran Mohd Noor Mohd Madarsa dan McDonalds di Kerteh, Papa Chop Mama Grill di Kijal, dan juga restoran kegemaran ramai, Kentucky Fried Chicken di Bandar Kijal.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pantai Kemasik di Terengganu merupakan sebuah pusat pelancongan pantai yang terkenal di negeri tersebut bagi sesetengah masyarakat. Kawasan pelancongan ini telah menyumbang pendapatan ekonomi kepada penduduk setempat termasuk para nelayan, dan juga pengusaha gerai makanan berhampiran. Ini secara tidak langsung mampu meningkatkan ekonomi di Negeri Terengganu melalui sektor pelancongan. Namun, persoalannya di sini sejauh manakah pembangunan pelancongan di pantai tersebut dapat dikekalkan untuk pembangunan sektor pelancongan pada masa hadapan. Perancangan tersebut merangkumi sama ada melalui pemeliharaan kawasan pantai yang biasanya diminati pelancong kerana keunikannya yang sesuai untuk berekreasi, di samping sejauh mana keselesaan tempat penginapan yang disediakan. Ini berikutan kerana didapati banyak kawasan pelancongan yang hanya memberi sumbangan ekonomi untuk jangka masa pendek sahaja disebabkan tiada langkah-langkah mewujudkan perancangan yang lebih efisien dari semasa ke semasa terhadap pembangunan pelancongan di sesuatu kawasan.

Maka, kajian ini dijalankan bagi menyediakan bentuk perancangan yang lebih terperinci terhadap pengekalan pelancongan di Pantai Kemasik. Perancangan bagi pengekalan aktiviti pelancongan ini sejajar dengan matlamat kerajaan bagi menjadikan Negeri Terengganu sebagai gerbang pelancongan dan pendidikan bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Kajian ini juga dibuat berikutan sektor pelancongan tidak dieksplotasi sepenuhnya di mana sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) sektor ini pada tahun 2003 adalah kurang daripada 3.3% (Sumber : petikan jurnai pdf Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu, 2004-2008). Ini adalah satu kerugian kerana sektor ini mampu untuk menyumbang kepada peningkatan KDNK dan juga penawaran pekerjaan kepada penduduk di negeri Terengganu. Manakala produk-produk pelancongan sedia ada tidak dipromosikan secara menyeluruh di mana hanya produk pelancongan tertentu sahaja yang dipromosikan sehingga ke peringkat antarabangsa. Pembangunan pelancongan yang tidak terkawal di kawasan semula jadi akan menyebabkan ketidakmampanan industri pelancongan di masa hadapan.

Menerusi sektor pelancongan, keindahan alam semulajadi pantai, pulau, dan hutan yang begitu banyak terdapat di negeri-negeri pantai timur akan dimanfaatkan untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negeri. Kehadiran pelancong ini bakal membuka peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan di pusat-pusat peranginan. Ianya juga akan membolehkan usahawan tempatan mengembangkan perniagaan seperti perusahaan *chalet*, restoran, sewa bot, dan perusahaan kraftangan seperti kain batik, songket, pertukangan perak dan ukiran kayu. Kerajaan juga berusaha menarik pelabur untuk membina kemudahan resort dan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan pesisir pantai terutama di Negeri Terengganu. Kerajaan menjangkakan usaha ini bakal menarik kehadiran seramai 7.4 juta pelancong luar negara dan 21.4 juta pelancong tempatan menjelang tahun 2020 (Sumber : Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia bebas, 6 Mac 2008).

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Objektif umum

Untuk mengkaji kaedah perancangan bagi pengekalan pelancongan di Pantai Kemasik bagi pelancongan di masa hadapan. Merupakan objektif utama bagi kajian ini bagi mengenalpasti langkah atau kaedah perancangan yang sesuai untuk mengekalkan aktiviti pelancongan di Pantai Kemasik untuk pembangunan di negeri Terengganu.

1.4.2 Objektif khusus

- i Untuk mengkaji pembangunan pelancongan di Pantai Kemasik ke atas sektor ekonomi negeri Terengganu. Ini bagi melihat sejauh mana pembangunan pelancongan mampu meningkatkan ekonomi negeri Terengganu hasil daripada kaedah perancangan yang dibuat.
- ii Untuk mengenalpasti kepentingan perancangan bagi pembangunan pelancongan. Ini bagi menentukan sama ada langkah atau perancangan yang dibuat boleh dipraktikkan bagi mengekalkan pembangunan sektor pelancongan secara keseluruhannya.
- iii Untuk mengkaji sejauh mana perancangan yang dibuat mampu mengekalkan pembangunan pelancongan masa hadapan. Pengekalan pembangunan pelancongan adalah penting bagi aktiviti penyelidikan oleh generasi akan datang.

1.5 SKOP KAJIAN

Kaedah bagi pengekalan pembangunan pelancongan ini bukan sahaja boleh dipraktikkan di Pantai Kemasik, Terengganu, malahan juga di seluruh kawasan pelancongan di Malaysia amnya. Melalui kajian ini juga, perancangan yang dibentuk ini mampu meningkatkan aktiviti pelancongan di negeri Terengganu dan secara tidak langsung meningkatkan hasil negeri Terengganu melalui sektor pelancongan.

Kajian ini turut memfokuskan kepada aspek-aspek berikut :

- Aktiviti sampingan yang wujud daripada aktiviti pelancongan.
- Kemudahan-kemudahan yang dinikmati akibat aktiviti pelancongan.
- Kepuasan pelancong terhadap persekitaran kawasan pelancongan sedia ada.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Menerusi pembangunan pelancongan di Pantai Kemasik, keindahan alam semulajadi pantainya akan dimanfaatkan untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negeri. Ini secara tidak langsung menjadikan Pantai Kemasik di Terengganu lebih dikenali bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara luar. Di samping itu, kehadiran pelancong ini bakal membuka peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan di pusat-pusat peranginan. Ianya juga akan membolehkan usahawan tempatan mengembangkan perniagaan seperti perusahaan *chalet*, restoran, sewa bot, dan perusahaan kraftangan seperti kain batik, songket, pertukangan perak dan ukiran kayu. Ini menyumbang kepada peningkatan pendapatan penduduk yang seterusnya mampu meningkatkan ekonomi di negeri Terengganu. Kerajaan juga berusaha menarik pelabur untuk membina kemudahan resort dan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan pesisir pantai terutama di Negeri Terengganu.

Lebih penting lagi, kerajaan mengharapkan rancangan pembangunan pelancongan ini akan membantu dalam pelaksanaan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Pelaksanaan ECER, secara tidak langsung mampu memberi sinar harapan kepada golongan berpendapatan rendah, terutamanya yang masih dihimpit kemiskinan tegar, untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan bersama mengecapi nikmat yang dibawa oleh pembangunan negara.

1.7 KESIMPULAN

Melalui kajian dalam pembangunan pelancongan ini, selain motif utamanya untuk meningkatkan ekonomi di sesebuah negeri atau negara, ia juga dapat mengekalkan keindahan semulajadi pantai, pulau, hutan dan taman-taman rekreasi yang lain untuk generasi akan datang.

Justeru, memang sangat wajar kaedah atau cara bagi pengekalan pembangunan pelancongan yang akan dikaji melalui kajian ini dipraktikkan atau digunakan oleh negeri-negeri yang kaya dengan tempat pelancongan semulajadi yang menarik selain dari Negeri Terengganu.

Kajian ini juga lebih mementingkan sektor pelancongan dalam ekonomi kerana melalui pembangunan dalam sektor ini, sesebuah negara itu lebih dikenali walaupun ianya kurang maju dalam sektor-sektor lain. Selain itu, kemajuan dalam sektor pelancongan ini berhasrat untuk memangkin pembangunan sosioekonomi demi kepentingan dan kesejahteraan semua lapisan rakyat.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Melalui bab dua ini, diterangkan enam buah jurnal yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan konsep yang bersepadanan dengan tajuk kajian ini iaitu perancangan bagi pengekalan sektor pelancongan. Di samping nama pengkaji dan tahun kajian dibuat, kaedah dan keputusan kajian yang dibuat oleh mereka juga turut dibincangkan dalam sorotan kajian ini

2.2 SOROTAN KAJIAN

Kajian yang telah disediakan oleh Ariza, et.al.(2008) yang bertajuk '*A Critical Assessment of Beach Management on the Catalan Coast*' bertujuan untuk menjalankan analisis bagi mengesan masalah utama dan kepentingan terhadap pengurusan pantai. Analisis berkenaan dijalankan menggunakan borang soal selidik yang ditanya kepada responden berkaitan dengan penilaian terhadap pengurusan pantai ini. Data utama yang digunakan merupakan jawapan dari responden yang menjawab soalan soal selidik yang disediakan. Kajian ini dijalankan di sekitar 430 km ke utara Catalan Coast di mana terdapat 210 pantai kesemuanya. Namun, 140 pantai sahaja yang diambil kira dalam kajian ini. Soalan soal selidik mengandungi tiga subjek utama iaitu aspek dalam pengurusan pantai, pengurusan mendapan (hakisan), kegunaan pantai dan isu berorganisasi (bagi mengesan proses dalam pengurusan pantai).

Ujian Chi-Square dan Korelasi diaplikasikan dalam mengumpul data untuk menentukan persamaan yang signifikan dan perbezaan antara pembolehubah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa hakisan pantai dan kekurangan tanah merupakan masalah utama dalam pengurusan pantai. Selain itu, kajian juga mendapati tiada rancangan bagi mengawal tahap kegunaan pantai akibat jumlah kedatangan pelancong yang terlalu ramai menyebabkan aspek perlindungan pantai diabaikan. Di dalam kajian tersebut juga, penyelidik mencadangkan bahawa pendekatan yang perlu digunakan dalam pengurusan pantai adalah berdasarkan kepada prinsip bagi pengurusan ekosistem. Pendekatan ini termasuk panduan bagi *Integrated Coastal Zone Management (ICZM)* di World Summit melalui *Sustainable Development (Johannesburg, August 26-Sept 4, 2002)*. Ini termasuk juga sistem seperti *EMAS (European Union's Eco-Management and Audits Scheme)* yang merupakan maklumat utama dalam pengurusan ekosistem termasuk pengumpulan data, pengawalan, pengurusan penyesuaian, dan nilai kemanusiaan.

Kajian berikutnya adalah kajian yang telah dijalankan oleh Yang dan Wall (2007) yang bertajuk '*Administrative Arrangements and Displacement Compensation in Top-Down Tourism Planning-A Case from Hainan Province, China*'. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan sosial akibat perubahan pelancongan di mana kawasan pelancongan tersebut diperkenalkan sebagai salah satu strategi pembangunan dan rancangan memajukan sektor pelancongan. Kekurangan dalam pelaksanaan dan ganti rugi daripada penyusunan pentadbiran diabaikan dengan membina rancangan baru untuk membantu meringankan beban masyarakat masa hadapan bagi projek pembangunan pelancongan. Keputusan dalam perancangan dibuat berpandukan kes pelancongan pada 1986 yang termasuk dalam rancangan bagi pembangunan sosial dan ekonomi, *Seventh Five-Year Plan 1986-1990*, apabila Kerajaan Pusat telah mengenalpasti tujuh buah bandar termasuk Hainan yang memerlukan pembangunan pelancongan. Pada tahun 1992, Kerajaan Negeri telah mencadangkan untuk membina resort percutian kebangsaan di setiap destinasi pelancongan. Pembangunan ini termasuk juga pembinaan hotel, kondominium, dan kursus golf.

Kaedah pengumpulan data juga dijalankan menerusi borang soal selidik, temuduga '*face to face*', dan melalui pemerhatian. Keputusan kajian menunjukkan perancangan yang dibuat dalam pelancongan mampu meringankan beban dan penggantian ganti rugi yang lebih menjadikan sistem pentadbiran yang sistematik. Dalam kajian, penyelidik telah mencadangkan perancangan dalam pembangunan pelancongan ini perlu melibatkan semua pihak, bukan sahaja pihak kerajaan. Penyelidikan berkenaan hal ini sememangnya patut dikaji di peringkat universiti bagi mewujudkan pembangunan pelancongan yang lebih efektif.

Kajian seterusnya ialah kajian yang disediakan oleh Philips dan House (2007) yang bertajuk '*An Evaluation of Priorities for Beach Tourism : Case Studies from South Wales, United Kingdom*'. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis faktor yang mendorong kepada pembuatan keputusan untuk perlindungan sumber pelancongan. Analisis ini merupakan strategi pembangunan bagi pengurusan pengekalan pantai. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui '*Beach Rating Checklist*' yang berdasarkan kepada tiga kategori iaitu faktor fizikal, biologi, dan kemanusiaan. Setiap pembolehubah disepadankan menerusi setiap kategori dan dianalisis bagi menunjukkan hubungan korelasi di antara pembolehubah. Kaedah ini dikaji melalui permasalahan yang wujud di kawasan pelancongan bagi mengenalpasti bentuk perancangan yang wajar dilaksanakan. Permasalahan tersebut dikaji melalui setiap pembolehubah dalam kategori. Pembolehubah berkenaan termasuklah keadaan fizikal pantai, suhu udara, warna dan kekeruhan air, jenis hidupan yang ada, tahap kebersihan dan lain-lain. Keputusan kajian menunjukkan ketiga-tiga aspek setiap kategori merupakan aspek penting yang perlu diambil kira bagi perancangan pengekalan pelancongan. Faktor fizikal menunjukkan nilai signifikan yang lebih rendah berbanding faktor biologi dan faktor kemanusiaan. Di dalam kajian tersebut, penyelidik turut mencadangkan penggunaan ketiga-tiga faktor kategori ini bagi membentuk perancangan pembangunan pelancongan yang terbina daripada permasalahan dalam setiap pembolehubah kawasan pelancongan yang dikaji.

Kajian yang telah disediakan oleh Lai et.al.(2005) yang bertajuk '*Gap Between Tourism Planning and Implementation : A Case of China*' bertujuan untuk mengkaji punca berlakunya jurang atau perbezaan di antara perancangan pelancongan dan pelaksanaan yang dibuat di samping memberi tanggapan mengenai tindak balas yang perlu dilihat. Perbezaan pendapat yang wujud antara perancangan pelancongan yang dibuat dan pelaksanaan ini menyebabkan rancangan yang dirancang gagal untuk dilaksanakan sepenuhnya. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah bermula dengan pengkonsepsian Jurang Antara Perancangan Pelancongan dan Pelaksanaan (GPI) bagi mencapai rangka kerja secara teori untuk kajian ini. Bagi pengkonsepsian GPI ini, pengkajian terhadap proses asas perancangan pelancongan diambil kira yang terdiri daripada dua fasa utama iaitu penyediaan rancangan dan pelaksanaan rancangan. Langkah pertama melalui konsep GPI ini adalah dengan mengeluarkan kunci pelaksanaan bagi '*3-year Implementation of 2001-2020 Guniujiang Guanyintang Tourism Development Master Plan (GGTDMP)*'. Langkah kedua adalah menilai kesan bagi pelaksanaan dengan membuat perbandingan antara elemen yang dipilih dengan pelaksanaan sebenar yang bergantung kepada data yang dikumpul. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kunci bagi pelaksanaan rancangan mengandungi enam kategori iaitu tarikan pelancong, infrastruktur, kemudahan servis, pemasaran dan promosi, pengurusan sumber manusia, dan pengurusan persekitaran.

Kajian yang telah disediakan oleh Kernel (2005) pula bertajuk '*Creating and Implementing a Model for Sustainable Development in Tourism Enterprises*'. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis proses bagi mengenalpasti minat masyarakat, mentakrifkan masalah, menyediakan panduan, dan membangunkan pelaksanaan bagi pembangunan pengekalan pelancongan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah proses berterusan yang menggunakan soalan soal selidik. Responden yang terlibat adalah di kalangan pengusaha kawasan pelancongan. Model '*Four-Steps of Sustainable Development in Enterprise*' juga digunakan.

Model ini merangkumi empat langkah yang perlu diikuti iaitu ‘*Good Housekeeping, Environmental Management, Front-Runners, and Sustainability*’. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terbentuknya hubungan antara pengusaha pelancongan dengan pengurus projek dalam sama-sama berkongsi pengalaman, meningkatkan pengetahuan, dan membangunkan alat praktikal. Selain itu, timbul juga kemampuan bagi pengekalan kawasan pelancongan yang memberi kesan positif ke atas pasaran. Dalam kajian ini juga, pengkaji mencadangkan model ‘*Four-Steps of Sustainable Development in Enterprise*’ wajar digunakan oleh para pengusaha pelancongan sebagai panduan untuk mencapai matlamat bagi pengekalan pembangunan pelancongan ini.

Kajian berikutnya merupakan kajian yang dijalankan oleh Teh dan Cabanban (2007) yang bertajuk ‘*Planning for Sustainable Tourism in Southern Pulau Banggi : An Assessment of Biophysical Conditions and Their Implications for Future Tourism Development*’. Kajian ini bertujuan untuk menilai bagaimana keadaan biofizikal dalam mempengaruhi pembangunan pengekalan pelancongan. Kajian ini melibatkan keadaan biofizikal kawasan pelancongan yang memberi kesan ke atas pembangunan pelancongan masa hadapan. Kajian ini juga tertumpu pada pembangunan pelancongan di selatan Banggi, di mana pentadbiran dan pusat kegiatan ekonomi bagi Kampung Karakit terletak. Kajian juga dijalankan di Kampung Perpaduan dan Kampung Singgahmata di mana kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah soal selidik. Kajian ini melibatkan tiga kategori keadaan biofizikal yang dikaji iaitu biodiversiti marin, cuaca dan keadaan oseanografi, dan juga sumber air. Ketiga-tiga kategori ini dinilai oleh penduduk melalui kaji selidik yang dijalankan. Penilaian yang dibuat adalah mengenai bagaimana pembolehubah biofizikal tersebut memberi kesan kepada aktiviti pelancongan di selatan Banggi. Keputusan kajian mendapati biodiversiti marin yang berada dalam keadaan baik dan terpelihara menggalakkan pelancongan di sana. Manakala keadaan cuaca dan oseanografi tidak membantutkan aktiviti pelancongan kerana ia dapat dijalankan mengikut musim tertentu walaupun bukan sepanjang tahun. Namun, penduduk di selatan Banggi mengalami masalah kekurangan sumber air bersih.

Penduduk menggunakan air hujan untuk minum kerana air bawah tanahnya hanya dapat diguna untuk mandi dan membasuh. Operator resort pelancongan pula terpaksa mengimport air bersih untuk kegunaan para pelancong. Ini menyebabkan kos tinggi yang diperlukan bagi penyediaan kemudahan pelancongan. Penyelidik juga telah mencadangkan perancang pelancongan perlu menitikberatkan sikap budaya sosial dan panduan ekonomi yang memberi kesan kepada persekitaran kawasan pelancongan. Kerajaan pula perlu memainkan peranan dalam menyediakan infrastruktur, khidmat perundangan, dan sokongan kewangan bagi menyokong pengekalan pelancongan dalam jangka masa panjang.

2.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan keenam enam jurnal yang telah diterangkan, dapat dikenalpasti objektif dan tujuan pengkaji dalam kajian mereka terhadap penilaian dalam sektor pelancongan. Berdasarkan kepada jurnal yang telah dihuraikan, didapati kebanyakan pengkaji menggunakan kaedah soal selidik bagi tujuan penilaian kawasan pelancongan. Berpandukan penilaian inilah, segala aspek berkaitan aktiviti pelancongan dapat ditafsir, sebagai contoh, kajian perancangan pengekalan pelancongan dibuat dengan mengenalpasti terlebih dahulu masalah yang wujud di kawasan kajian. Jurnal terdahulu yang telah dikaji ini adalah selaras dan sesuai digunakan sebagai panduan dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi merangkumi segala andaian dan sistem nilai yang menjadi asas penyelidikan di mana merupakan kriteria yang digunakan untuk mentafsir data dan mencapai kesimpulan. Melalui metodologi, ia melibatkan penggunaan model teoretis, pengukuran dan pembinaan instrumen yang mengkaji tentang kaedah persampelan, mengumpul data dan analisis data. Sumber-sumber data yang terlibat adalah data primer dan data sekunder. Data primer merujuk kepada maklumat yang diperolehi '*firsthand*' oleh penyelidik ke atas pembolehubah yang ingin dikaji. Manakala data sekunder merujuk kepada maklumat yang diperolehi daripada sumber yang telah wujud.

3.2 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

3.2.1 KAEDAH PERSAMPELAN

Data biasanya dikumpulkan melalui pelbagai cara seperti persampelan ataupun bincian. Oleh kerana melibatkan kos yang sangat tinggi dan masa yang lama, kaedah pengumpulan data melalui bincian jarang-jarang dilakukan. Maka, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui persampelan. Jenis persampelan yang digunakan pula adalah Persampelan Rawak Mudah. Persampelan jenis ini melibatkan pemilihan populasi atau sampel secara rawak. Pengumpulan data dibuat dengan mengagihkan borang soal selidik ke atas individu yang dipilih secara rawak. Bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini adalah sebanyak seratus orang.

3.2.2 BORANG SOAL SELIDIK

Borang soal selidik yang dibuat ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merupakan bahagian latar belakang responden. Soalan yang ditanya adalah berkaitan dengan maklumat peribadi responden seperti jantina, umur, agama, jenis pekerjaan, pendapatan bulanan dan lain-lain yang berkaitan. Di bahagian ini terdapat 10 soalan berkaitan dengan maklumat peribadi responden yang diajukan.

Manakala Bahagian B merupakan bahagian yang berkaitan dengan penilaian pelancongan. Bahagian ini merangkumi soalan yang memerlukan responden untuk menjawab soalan tentang tujuan pelancongan, kekerapan melancong, dan juga pendapat responden terhadap perkhidmatan pelancongan yang disediakan di Pantai Kemasik. Terdapat 6 soalan yang diajukan di bahagian ini.

Bahagian C pula merupakan bahagian berkaitan dengan penilaian terhadap kawasan kajian. Ia merangkumi soalan yang berkaitan dengan sejauh mana kepuasan pelancong terhadap pemandangan di kawasan kajian, kesesuaian aktiviti yang dijalankan dan juga kemudahan yang disediakan. Soalan yang diajukan di bahagian ini adalah soalan berbentuk '*Numerical scale*' iaitu skala bernombor bagi setiap soalan yang dikemukakan.

3.3 KAE DAH KAJIAN

Kajian Perancangan Bagi Pengekalan Pelancongan di Pantai Kemasik ini melibatkan penggunaan data primer. Data primer ini diperoleh melalui kajian soal selidik yang dikenakan terhadap pelancong. Pengumpulan data ini termasuklah pengumpulan data mengenai prestasi pelancongan di Pantai Kemasik dengan menilai bilangan pelancong yang datang, bilangan tempat penginapan, dan bilangan kemudahan infrastruktur yang lain yang mendorong kepada peningkatan pelancongan. Pengumpulan data ini perlu dilakukan secara terus terhadap pelancong melalui borang soal selidik di kawasan kajian itu sendiri iaitu di Pantai Kemasik. Ini bagi memastikan kesesuaian soalan soal selidik yang ditanya berkaitan dengan aktiviti pelancongan di Pantai Kemasik. Bilangan responden iaitu sasaran bilangan pelancong yang diperlukan bagi kajian ini adalah sebanyak 100 orang responden.

Segala maklumat yang diberikan oleh responden yang terlibat ini akan dianalisis melalui *SPSS (Statistical Package for Social Science)* bagi menunjukkan hubungan di antara pembolehubah yang terlibat. Bagi mendapatkan segala maklumat yang diperlukan ini, borang soal selidik dibuat dengan memasukkan elemen-elemen soalan yang bersesuaian dengan tujuan kajian.

Melalui penggunaan sistem SPSS tersebut, kaedah regresi linear digunakan bagi menunjukkan kekuatan hubungan antara pembolehubah. Selain itu, analisis diskriptif juga dibuat untuk menerangkan ciri-ciri setiap pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini.

3.3.1 KAE DAH ANALISIS DESKRIPTIF

Tujuan analisis deskriptif ini adalah untuk menerangkan ciri-ciri suatu pembolehubah yang dikaji. Selain itu, analisis ini juga dibuat supaya data dapat dilihat dengan lebih jelas, teratur, dan menarik. Ini kerana penterjemahan data menggunakan kaedah ini menjadikannya lebih mudah difahami. Melalui analisis ini juga, penggunaan carta dan graf diaplikasikan dan angka-angka yang terlibat diterjemahkan dalam bentuk peratus.

3.3.2 KAE DAH REGRASI

Kaedah ini dibuat bagi menunjukkan sejauh mana hubungan yang wujud di antara pembolehubah yang dikaji. Melalui kaedah regresi linear ini, nilai R square dapat dikeluarkan bagi menentukan sejauh mana kekuatan hubungan yang wujud antara pembolehubah. Sebelum maklumat berkenaan responden dianalisis menggunakan SPSS, pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dikenalpasti terlebih dahulu. Nilai signifikan antara pembolehubah juga dapat ditunjukkan melalui penggunaan kaedah ini.

3.3.3 MODEL KAJIAN

Pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar telah dikenalpasti untuk membentuk satu model ekonometrik. Di mana, Rancangan pengekalan pelancongan merupakan pembolehubah bersandar manakala tahap kepuasan, pengetahuan, dan jantina merupakan tiga pembolehubah bebas (tidak bersandar) yang dikaji dalam kajian ini.

Model kajian yang dibentuk :

$$R_i = \beta_0 + \beta_1 G_i + \beta_2 S_i + \beta_3 K_i + \epsilon_i$$

Di mana R = rancangan pengekalan pelancongan

G = jantina

S = kepuasan

K = pengetahuan

Dengan β_0 = intercept (pintasan)

$\beta_1, \beta_2, \beta_3$, = pekali regresi

ϵ = error term

Daripada model kajian yang diterbitkan, hipotesis kajian seterusnya dapat dibentuk. Hipotesis merupakan andaian awal yang menunjukkan wujud perkaitan di antara pembolehubah yang dikaji. Terdiri daripada dua iaitu hipotesis *null* (H_0) dan hipotesis alternatif (H_1). Hipotesis *null* merupakan pernyataan yang bercanggah dengan teori dan kebiasaannya hipotesis ini yang perlu ditolak. Manakala hipotesis alternatif adalah hipotesis yang selaras dengan teori yang dikaji dan merupakan hipotesis yang akan diterima.

Pembentukan hipotesis kajian :

H_0 : Tahap kepuasan, pengetahuan, dan jantina tidak mempengaruhi rancangan pengekalan pelancongan yang dibentuk.

H_1 : Tahap kepuasan, pengetahuan, dan jantina mempengaruhi rancangan pengekalan pelancongan yang dibentuk.

3.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, melalui bab tiga ini jelas dapat diketahui tentang kaedah yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian ini. Teknik yang akan digunakan juga telah diuraikan dan ditafsir satu persatu bagi menerangkan tujuan penggunaannya dalam kajian ini. Kaedah yang dinyatakan dalam bab ini akan lebih diperjelaskan dan ditunjukkan penggunaannya dalam Bab 4.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan bagaimana data atau maklumat yang diperolehi melalui kajian soal selidik yang dijalankan sebelum ini dianalisis bagi menunjukkan sejauh mana hubungan di antara pembolehubah yang terlibat. Dalam bab ini juga model ekonometrik dapat dibentuk bagi mengenalpasti pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Perkaitan atau hubungan antara setiap pembolehubah juga ditunjukkan dengan lebih terperinci dalam bab ini.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF


Tujuan analisis deskriptif ini adalah untuk menerangkan ciri-ciri suatu pembolehubah yang dikaji. Selain itu, analisis ini juga dibuat supaya data dapat dilihat dengan lebih jelas, teratur, dan menarik. Ini kerana penterjemahan data menggunakan kaedah ini menjadikannya lebih mudah difahami dan dikaji sejauh mana hubungan setiap pembolehubah berkenaan dalam kajian ini.

Melalui analisis ini juga, penggunaan carta dan graf diaplikasikan dan angka-angka yang terlibat diterjemahkan dalam bentuk peratus. Secara tidak langsung, gambaran yang lebih jelas tentang sesuatu petunjuk dapat dipamerkan di samping lebih sesuai untuk membuat perbandingan.

4.2.1 BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

4.2.1.1 Jantina


Rajah 4.1 : Jantina Responden



Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, daripada seratus orang responden yang terlibat, didapati 32 orang adalah perempuan manakala 68 orang adalah lelaki. Ini disebabkan kebanyakan pengunjung yang berkunjung ke Pantai Kemasik pada masa kajian dilakukan adalah majoritinya adalah lelaki.

4.2.1.2 Umur

Rajah 4.2 : Kategori Umur Responden




Umur responden dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu :

- 1) ≤ 15 tahun
- 2) 16 – 25 tahun
- 3) 26 – 35 tahun
- 4) 36 – 45 tahun
- 5) 46 – 55 tahun
- 6) 56 – 65 tahun
- 7) ≥ 66 tahun

Daripada jumlah responden, didapati kategori umur 16 hingga 25 tahun adalah paling tinggi iaitu sebanyak 54%. Diikuti kategori umur kedua tertinggi adalah dalam kategori umur 26 hingga 35 tahun iaitu sebanyak 27%. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengunjung Pantai Kemasik ini adalah terdiri daripada golongan belia.

4.2.1.3 Agama


Rajah 4.3 : Agama Responden



Berdasarkan carta pai, didapati majoriti responden yang terlibat adalah beragama islam. Ini disebabkan kebanyakan penduduk di Terengganu adalah terdiri daripada orang melayu yang beragama islam. Secara spesifiknya, 95% adalah responden yang beragama islam, 2% beragama hindu, 2% juga bagi yang beragama Buddha dan 1% bagi yang beragama kristian.

4.2.1.4 Bangsa


Rajah 4.4 : kategori Bangsa Responden



Secara keseluruhan, 95% daripada jumlah responden adalah berbangsa melayu. Manakala 2% bagi bangsa cina, dan 2% juga bagi bangsa India. Majoriti responden adalah penduduk tempatan yang kebanyakannya terdiri daripada orang melayu.

4.2.1.5 Negeri asal


Rajah 4.5 : Negeri Asal Responden



Berdasarkan carta pai, kebanyakan responden berasal dari Terengganu iaitu sebanyak 75%. Manakala 25% lagi merupakan responden yang berasal luar dari negeri Terengganu. Disebabkan kawasan kajian adalah di Terengganu, maka responden adalah kebanyakannya memang berasal dari Terengganu yang mana lebih mengetahui secara terperinci tentang Pantai Kemasiik, iaitu kawasan kajian yang dibuat.

4.2.1.6 Daerah tempat tinggal


Rajah 4.6 : Daerah Tempat Tinggal Responden



Disebabkan majoriti responden berasal dari Negeri Terengganu, maka kebanyakan daripada mereka tinggal di daerah dalam Negeri Terengganu itu sendiri. Disebabkan hal ini, pengunjung Pantai Kemasik adalah di kalangan penduduk tempatan Terengganu. Secara keseluruhan, daerah Kemaman merupakan daerah tempat tinggal responden yang mencatatkan nilai tertinggi berbanding di daerah-daerah lain di Terengganu.

4.2.1.7 Status Perkahwinan

Rajah 4.7 : Status Perkahwinan Responden



Berpandukan rajah, didapati responden yang berstatus bujang merupakan antara jumlah tertinggi iaitu sebanyak 68% diikuti bagi yang berkahwin (27%) dan berstatus janda/duda sebanyak 5%. Ini disebabkan lebih dari separuh responden adalah terdiri daripada golongan yang masih muda yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah, peringkat universiti dan peringkat di awal alam pekerjaan.

4.2.1.8 Tahap Pendidikan


Rajah 4.8 : Tahap Pendidikan Responden



Secara keseluruhan, 50% daripada jumlah responden adalah bertahap pendidikan SPM/MCE yang merupakan nilai terbesar berbanding tahap pendidikan yang lain. Seterusnya diikuti tahap pendidikan PMR(16%), Ijazah dan ke atas(15%), lain-lain(10%), dan peringkat STPM(9%).

4.2.1.9 Jenis Pekerjaan


Rajah 4.9 : Jenis Pekerjaan Responden



Berpandukan kepada jenis pekerjaan responden, didapati 43% daripada jumlah responden adalah merupakan kakitangan swasta. Ini merupakan nilai terbesar berbanding jenis pekerjaan lain. Manakala pelajar dan yang bekerja sendiri masing-masing mencatatkan nilai yang sama iaitu 21%. Diikuti pula dengan responden dari kakitangan kerajaan sebanyak 11% dan yang tidak bekerja sebanyak 4% daripada jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini.

4.2.1.10 Pendapatan Bulanan

Rajah 4.10 : Pendapatan Bulanan Responden



Pendapatan bulanan responden dibahagikan kepada 7 kategori iaitu :


- 1) RM 500 dan ke bawah
- 2) RM 501 – RM 1000
- 3) RM 1001 – RM 1500
- 4) RM 1501 – RM 2000
- 5) RM 2001 – RM 2500
- 6) RM 2501 – RM 3000
- 7) RM 3001 dan ke atas

Daripada graf yang diberikan, pendapatan dalam kategori 2 iaitu pendapatan antara RM 501 hingga RM 1000 adalah menunjukkan nilai paling tinggi iaitu sebanyak 33%. Manakala pendapatan antara RM 500 dan ke bawah menunjukkan nilai kedua tertinggi iaitu sebanyak 31%. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden yang terlibat terdiri daripada yang berpendapatan rendah.

4.2.2 BAHAGIAN B : PENILAIAN PELANCONGAN

4.2.2.1 Tujuan Kunjungan


Rajah 4.11 : Tujuan Berkunjung ke Pantai Kemasik



Berdasarkan rajah, 55% daripada responden yang datang ke Pantai Kemasik adalah bertujuan untuk bersiar-siar. Ini merupakan nilai tertinggi berbanding peratusan dalam tujuan lain. Selebihnya, 26% daripada jumlah responden adalah bertujuan untuk mengisi masa lapang, 8% bagi tujuan lain, 6% bertujuan untuk mandi-manda dan 5% lagi bertujuan untuk berkhemah.

4.2.2.2 Kekerapan Kunjungan


Rajah 4.12 : Kekerapan Berkunjung ke Pantai Kemasik



Kekerapan kunjungan terbahagi kepada setiap hari, setiap hujung minggu, masa lapang dan juga pertama kali. Berdasarkan rajah, majoriti memilih untuk berkunjung ke Pantai Kemasik pada masa lapang kerana kebanyakannya terdiri dari penduduk setempat. Lebih daripada separuh iaitu sebanyak 59% daripada jumlah responden yang memilih masa lapang untuk berkunjung ke Pantai Kemasik.

4.2.2.3 Pengetahuan


Rajah 4.13 : Pengetahuan berkenaan Pantai Kemasik



Berdasarkan rajah, didapati 62% daripada jumlah responden adalah sudah sedia maklum tentang lokasi dan kewujudan Pantai Kemasik di Terengganu. Ini kerana majoriti terdiri daripada responden yang berasal dari Terengganu. Sebanyak 27% daripada jumlah responden pula mendapat pengetahuan berkenaan Pantai Kemasik dari kawan-kawan dan selebihnya melalui media massa dan juga risalah.

4.2.2.4 Pendapat


Rajah 4.14 : Pendapat tentang Pantai Kemasik



Terdapat tiga pendapat berkenaan Pantai Kemasik yang diberi pilihan kepada responden untuk dijawab dalam borang soal selidik yang diagihkan. Hasilnya, 42% daripada jumlah responden berpendapat Pantai Kemasik mempunyai pemandangan yang unik dan menarik. 34% lagi berpendapat Pantai Kemasik sesuai untuk aktiviti pelancongan. Manakala selebihnya berpendapat lokasi kajian tersebut adalah biasa sahaja dan tiada sebarang daya tarikan tersendiri.

4.2.2.5 Kepuasan


Rajah 4.15 : Kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan



Responden juga ditanya berkenaan dengan tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan di Pantai Kemasik. Didapati 51% daripada jumlah responden berpuas hati manakala 49% lagi adalah sebaliknya.

4.2.2.6 Komen

Rajah 4.16 : Komen terhadap persekitaran Pantai Kemasik



Komen perlu dikemukakan oleh responden yang menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kemudahan yang disediakan. Sebanyak 49% daripada jumlah responden telah mengemukakan komen, manakala 51% lagi tidak memberi sebarang komen kerana berpendapat sudah berpuas hati terhadap kemudahan yang disediakan. Daripada 49% yang memberi komen, didapati 35% menyatakan Pantai Kemasik masih lagi kurang kemudahan awam, 3% menyatakan kurang kawalan keselamatan, 2% pula menyatakan kurang aktiviti air, manakala 1% menyatakan kurang gerai jualan dan kedai makan.

4.2.2.7 Perancangan


Rajah 4.17 : Perancangan Pengekalan Pelancongan



Perancangan merupakan perkara utama yang diperlukan dalam kajian ini. Responden ditanya sama ada Pantai Kemasik masih memerlukan perancangan pengekalan pelancongan yang lebih teliti atau sebaliknya. Hasilnya didapati 64% daripada jumlah responden berpendapat Pantai Kemasik masih lagi memerlukan perancangan pengekalan yang lebih baik. Manakala 36% lagi berpendapat Pantai Kemasik tidak perlu perancangan untuk mengekalkan pelancongan.

4.2.2.8 Rancangan


Rajah 4.18 : Rancangan Pengekalan yang dicadangkan responden



Sebanyak 64% daripada jumlah responden berpendapat bahawa Pantai Kemasik masih lagi memerlukan perancangan pengekalan pelancongan yang lebih teliti. Berpandukan rajah, 42% daripada jumlah responden berpendapat supaya menambahkan lagi kemudahan awam di Pantai Kemasik. Manakala 5% memberi cadangan supaya sediakan peralatan aktiviti air seperti kayak, jet ski dan lain-lain. 5% daripada responden lagi berpendapat supaya pihak pengurusan meningkatkan lagi kawalan keselamatan, 4% memberi cadangan pelbagaikan gerai jualan dan 8% di bawah lain-lain cadangan yang difikirkan tidak relevan.

4.2.3 BAHAGIAN C : PENILAIAN TEMPAT KAJIAN

Rajah 4.19 : Penilaian kawasan kajian



Penilaian kawasan kajian adalah berdasarkan aspek-aspek berikut :

- Pantai yang sangat unik dan menarik
- Kesesuaian lokasi dengan aktiviti yang dijalankan
- Kemudahan penginapan yang disediakan
- Kemudahan riadah yang disediakan
- Kemudahan tempat makan yang disediakan
- Kemudahan pengangkutan

Berdasarkan carta pai, sebanyak 47% daripada jumlah responden didapati kurang bersetuju dengan aspek-aspek yang dinyatakan. Ini bermakna aspek yang dinyatakan berkenaan tidak menepati ciri-ciri yang terdapat di Pantai Kemasik ketika kajian ini dilakukan. Namun begitu 47% daripada jumlah responden pula didapati bersetuju dengan aspek-aspek yang dinyatakan. Penilaian ini bergantung kepada persepsi responden itu sendiri.

4.3 ANALISIS REGRASI

Berdasarkan hasil yang diperolehi, model yang dapat dibentuk adalah seperti berikut :

$$R_i = 1.228 - 0.221G_i - 0.442S_i - 0.139K_i + \epsilon_i$$

SE	(0.107)	(0.084)	(0.081)	(0.051)
Sig	(0.000)	(0.010)	(0.000)	(0.008)

- Berdasarkan nilai p-value yang terhasil di output SPSS, didapati bahawa jantina mempengaruhi rancangan pengekalan pelancongan pada aras keertian 1%.
- Nilai kepuasan pula mempengaruhi rancangan pengekalan pelancongan pada aras keertian 1%.
- Aspek pengetahuan juga mempengaruhi rancangan pengekalan pelancongan pada aras keertian 1%.
- Manakala didapati lelaki (1) mempunyai bilangan pembentukan perancangan yang lebih rendah daripada perempuan (0) sebanyak 0.221 unit.
- 1 peratus peningkatan dalam nilai kepuasan menyebabkan berlaku penurunan dalam rancangan sebanyak 44 peratus.
- 1 peratus peningkatan dalam nilai pengetahuan menyebabkan berlaku penurunan dalam rancangan sebanyak 14 peratus.

Kesimpulan :

Tolak H_0 pada aras keertian 1% kerana nilai statistik lebih besar daripada nilai genting. Ini membuktikan bahawa tahap kepuasan, pengetahuan, dan jantina mempengaruhi rancangan pengekalan pelancongan yang dibentuk.

4.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, secara keseluruhan telah ditunjukkan bagaimana kaedah atau teknik yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini diaplikasikan dalam bab empat ini. Hubungan antara pembolehubah juga telah ditunjukkan melalui kaedah yang telah digunakan iaitu dengan menggunakan analisis regresi dan juga analisis deskriptif.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab terakhir ini menjelaskan rumusan terhadap hasil kajian yang telah diperolehi dalam bab sebelum ini. Perkaitan atau hubungan yang wujud di antara pembolehubah yang dikaji diterangkan semula dengan lebih jelas. Selain itu, cadangan terhadap pengekalan pelancongan yang lebih teliti juga diperjelaskan melalui bab ini.

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Melalui analisis deskriptif, dapat dilihat sejauh mana tahap kepuasan responden terhadap kemudahan pelancongan yang disediakan di Pantai Kemasik. Didapati, 50 daripada 100 orang responden berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Namun, kajian ini sebenarnya lebih memfokus kepada responden yang kurang berpuas hati dengan kemudahan yang sedia ada bagi mendapatkan komen berkenaan dengan ketidakpuasan hati mereka.

Sebaliknya, apabila ditanya mengenai perancangan pengekalan pelancongan di Pantai Kemasik, lebih 50% daripada jumlah responden yang terlibat menyatakan pendapat mereka bahawa Pantai Kemasik masih lagi memerlukan perancangan pengekalan yang lebih teliti. Antara rancangan yang dicadangkan oleh responden termasuklah menambahkan kemudahan awam di Pantai Kemasik.

Kemudahan yang dicadangkan tersebut termasuklah membina taman permainan, menambahkan kerusi rehat, membina *chalet*, keruduhan tempat meletak kenderaan yang mencukupi dan ada juga yang memberi cadangan supaya persekitaran pantai diubah menjadi sebuah persekitaran berkonsep taman tema.

Di samping itu, rancangan lain yang dicadangkan responden adalah supaya menyediakan peralatan aktiviti air seperti jaket keselamatan, papan luncur, jet ski, kayak dan sebagainya. Ada juga yang memberi idea supaya pihak pengurusan pantai perlu memantau dan meningkatkan kawalan keselamatan di Pantai Kemasik. Selain itu, cadangan lain yang diberikan adalah dengan mempelbagaikan gerai jualan yang telah sedia ada di Pantai Kemasik berkenaan.

Daripada hasil kajian melalui kaedah regrasi pula, didapati ketiga-tiga pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang negatif dengan pembolehubah bersandar. Ini bermaksud peningkatan nilai dalam pembolehubah bebas menyebabkan berlaku penurunan nilai dalam pemboleh ubah bersandar.

Ketiga-tiga pembolehubah bebas juga didapati signifikan. Ini bermakna jantina, pengetahuan, dan kepuasan mempengaruhi rancangan pengekalan pada aras keertian satu peratus. Ini bermakna pembolehubah yang dikaji dan dibentuk ini masing-masing mempunyai hubungan.

Daripada output regresi yang diperolehi juga, didapati nilai statistik adalah lebih besar daripada nilai genting. Ini menyebabkan hipotesis null ditolak yang membuktikan bahawa wujud hubungan di antara pembolehubah yang dikaji. Ini dapat diperjelaskan lagi bahawa rancangan pengekalan pelancongan yang dibentuk adalah dipengaruhi oleh tahap kepuasan, pengetahuan, dan juga jantina.

5.3 CADANGAN PENGEKALAN PELANCONGAN

Kajian ini sebenarnya bertujuan untuk mengekalkan aktiviti pelancongan di Pantai Kemasik. Oleh yang demikian, perancangan pengekalan yang lebih teliti perlu dibentuk dan dipraktikkan bagi menjadikan Pantai Kemasik ini lebih dikenali sebagai sebuah kawasan pelancongan pantai yang unggul. Rancangan pengekalan ini pula dicadangkan sendiri oleh pengunjung di Pantai Kemasik melalui borang soal selidik yang diagihkan. Rancangan pengekalan yang dicadangkan tersebut kemudiannya dikaji bagi menentukan sama ada mampu untuk diaplikasikan atau sebaliknya.

Melalui komen dan cadangan yang telah diberikan, didapati masih banyak lagi kemudahan awam yang perlu dibina di Pantai Kemasik. Antaranya, perlu menyediakan taman permainan kanak-kanak yang lebih selamat. Taman permainan yang sedia ada didapati tidak begitu selamat dengan kawasan persekitarannya yang sempit. Kemudahan tempat meletak kenderaan yang mencukupi juga perlu disediakan supaya kenderaan pengunjung yang datang berada dalam keadaan selamat dan lebih teratur. Di samping itu, kemudahan persalinan dan tandas perlu dibina dengan lebih banyak lagi. Ini kerana tandas yang sedia ada didapati berada pada jarak yang begitu jauh dengan pantai. Persekitaran konsep taman tema juga merupakan salah satu cadangan yang baik. Dengan konsep sebuah taman ini, segala kemudahan seperti bangku rehat, taman permainan, kemudahan persalinan, laluan pejalan kaki, dan tempat parking dapat dibina dengan susun atur yang lebih baik.

Di samping itu, kualiti gerai jualan yang telah sedia ada juga perlu dipertingkatkan lagi. Kualiti ini mampu ditingkatkan dengan mempelbagaikan barang jualan dan tidak terhad kepada barang makanan sahaja. Contohnya, dengan menjual barang kraftangan, pakaian, buat pameran dan sebagainya untuk menarik minat orang ramai berkunjung ke Pantai Kemasik.

Kepelbagaiannya aktiviti sukan yang dibuat di Pantai Kemasik juga mampu menarik lebih ramai yang datang berkunjung. Contohnya permainan bola tampar pantai, permainan futsal dan sukan air seperti jet ski, papan luncur dan lain-lain. Anjuran sukan-sukan pantai sempena Hari Keluarga dapat juga dipraktikkan. Aktiviti sukan ini sememangnya wajar dibuat kerana persekitaran pantainya yang luas.

Sememangnya perancangan yang dibuat ini mampu untuk menjadikan Pantai Kemasik ini lebih dikenali bukan sahaja di kalangan masyarakat tempatan, malahan dikenali juga di kalangan masyarakat luar. Di samping itu, secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi ekonomi pelancongan di negeri Terengganu.

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, perancangan pengekalan pelancongan ini wajar dipraktikkan oleh semua sektor pelancongan yang lain. Ini bagi memastikan sektor pelancongan akan sentiasa maju bagi menyumbang kepada pendapatan sesebuah negara. Sektor pelancongan yang maju juga mampu menjadikan sesebuah negara itu dikenali di serata dunia. Tanpa perancangan pengekalan pelancongan yang teliti, pembangunan sesuatu kawasan pelancongan mungkin tidak dapat dilaksanakan.

RUJUKAN

Kun Lai, Yiping Li & Xuegang Feng (2005). Gap Between Tourism Planning and Implementation : A Case of China. *Tourism Management, Volume 27, Issue 6*, pp. 1171-1180.

Pernilie Kernel (2005). Creating and Implementing a Model for Sustainable Development in Tourism Enterprises. *Journal of Cleaner Production 13*, pp. 151-164.

MR.Phillips & C.House (2007). An Evaluation of Priorities for Beach Tourism : Case Studies from South Wales, UK. *Tourism Management*.

Yang Wang & Geoffrey Wall (2007). Administrative Arrangements and Displacement Compensation in Top-Down Tourism Planning – A Case from Hainan Province, China. *Tourism Management, Volume 28, Issue 1*, pp. 70-82

Lydia Teh & Annadel S.Cabanban (2007). Planning for Sustainable Tourism in Southern Pulau Banggi : An Assessment of Biophysical Conditions and their Implications for Future Tourism Development. *Journal of Environmental Management, Volume 85, Issue 4*, pp. 999-1008.

Eduard Ariza, Jose A.Jimenez & Rafael Sarda (2008). A Critical Assessment of Beach Management on the Catalan Coast. *Ocean and Coastal Management, Volume 51, Issue 2*, pp. 141-160.

Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT), 2004-2008

Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas, 6 Mac 2008

<http://www.malaysiavacationguide.com>

<http://www.pmo.gov.my>

<http://www.sciencedirect.com>

<http://www.bernama.com>

info@worldisround.com

LAMPIRAN


LAMPIRAN 1 : PANORAMA PANTAI KEMASIK

LAMPIRAN 2 : BORANG SOAL SELIDIK

LAMPIRAN 3 : OUTPUT FREKUENSI (ANALISIS DISKRIPTIF)

LAMPIRAN 4 : OUTPUT ANALISIS REGRASI

PANORAMA PANTAI KEMASIK









**ANALISIS PERANCANGAN BAGI PENGEKALAN
PELANCONGAN DI PANTAI KEMASIK,
TERENGGANU**

Saya pelajar tahun tiga Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) UMT, sedang membuat penyelidikan berkenaan dengan perancangan atau kaedah yang bersesuaian bagi mengekalkan aktiviti pelancongan di Pantai Kemasik di Negeri Terengganu ini. Perancangan yang dibuat ini adalah bagi memajukan sektor pelancongan di Terengganu dan secara tidak langsung bakal menjadikan Pantai Kemasik lebih dikenali. Berkenaan hal itu, saya memerlukan sedikit maklumat dari pihak saudara/saudari melalui borang soal selidik ini. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan digunakan hanya untuk kajian ini sahaja. Kerjasama dari pihak saudara/saudari amatlah saya hargai.

Nama responden :

Sila isi tempat kosong atau tandakan (/) pada ruang yang berkenaan.

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

- 1) Jantina : Lelaki Perempuan
- 2) Umur :
- 3) Agama :
 Islam Buddha
 Hindu Kristian
 Lain-lain, (nyatakan) :
- 4) Bangsa :
 Melayu Cina
 India Lain-lain (nyatakan) :
- 5) Negeri asal :
- 6) Daerah tempat tinggal :
- 7) Status perkahwinan :
 Bujang Berkahwin
 Janda/duda
- 8) Tahap pendidikan :
 PMR/SRP SPM/MCE
 STPM Ijazah dan ke atas
 Lain-lain (nyatakan) :
- 9) Jenis pekerjaan :
 Kakitangan kerajaan Pelajar
 Kakitangan swasta Tidak bekerja
 Bekerja sendiri Pesara
- 10) Pendapatan bulanan :
 RM 500 dan ke bawah
 RM 501 – RM 1000
 RM 1001 – RM 1500
 RM 1501 – RM 2000
 RM 2001 – RM 2500
 RM 2501 – RM 3000
 RM 3001 dan ke atas

BAHAGIAN B : PENILAIAN PELANCONGAN

11) Tujuan anda berkunjung ke Pantai Kemasik :

- | | |
|---|---|
| (<input type="checkbox"/>) Bersiar-siar | (<input type="checkbox"/>) Mengisi masa lapang |
| (<input type="checkbox"/>) Mandi-manda | (<input type="checkbox"/>) Lain-lain (nyatakan) : |
| (<input type="checkbox"/>) Berhemah | |

12) Kekerapan anda berkunjung ke Pantai Kemasik :

- | | |
|--|---|
| (<input type="checkbox"/>) Setiap hari | (<input type="checkbox"/>) Setiap hujung minggu |
| (<input type="checkbox"/>) Masa lapang | (<input type="checkbox"/>) Pertama kali |

13) Pengetahuan anda berkenaan dengan Pantai Kemasik :

- | |
|--|
| (<input type="checkbox"/>) sudah sedia maklum |
| (<input type="checkbox"/>) dari kawan-kawan |
| (<input type="checkbox"/>) melalui media massa |
| (<input type="checkbox"/>) risalah |

14) Pendapat anda tentang Pantai Kemasik :

- | |
|---|
| (<input type="checkbox"/>) Pemandangan yang unik dan menarik |
| (<input type="checkbox"/>) Sangat sesuai untuk aktiviti pelancongan |
| (<input type="checkbox"/>) Biasa sahaja |

15) Adakah anda berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan?

- | |
|------------------------------------|
| (<input type="checkbox"/>) Ya |
| (<input type="checkbox"/>) Tidak |

Jika tidak, nyatakan komen anda :

.....
.....

16) Adakah anda fikir Pantai Kemasik ini memerlukan perancangan pengekalan pelancongan yang lebih teliti?

- | |
|------------------------------------|
| (<input type="checkbox"/>) Ya |
| (<input type="checkbox"/>) Tidak |

Jika ya, nyatakan rancangan yang difikirkan perlu :

.....
.....

BAHAGIAN C : PENILAIAN TEMPAT KAJIAN

Bulatkan angka pada jawapan yang anda pilih mengikut skel di bawah :

1 Sangat tidak setuju	2 Tidak setuju	3 Kurang setuju	4 Setuju	5 Sangat setuju
----------------------------------	---------------------------	----------------------------	---------------------	----------------------------

Sejauh manakah keindahan dan kemudahan di Pantai Kemasik dapat menepati aspek-aspek berikut :

Bil.	Perkara	Skala				
1	Pantai yang sangat unik dan menarik	1	2	3	4	5
2	Kesesuaian lokasi dengan aktiviti yang dijalankan	1	2	3	4	5
3	Kemudahan penginapan yang disediakan	1	2	3	4	5
4	Kemudahan riadah yang disediakan	1	2	3	4	5
5	Kemudahan tempat makan yang disediakan	1	2	3	4	5
6	Kemudahan pengangkutan	1	2	3	4	5

LAMPIRAN 3

Jantina

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid perempuan	32	32.0	32.0	32.0
lelaki	68	68.0	68.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Umur

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid <15	2	2.0	2.0	2.0
16-25	54	54.0	54.0	56.0
26-35	27	27.0	27.0	83.0
36-45	13	13.0	13.0	96.0
46-55	2	2.0	2.0	98.0
56-65	1	1.0	1.0	99.0
>66	1	1.0	1.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Agama

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid islam	95	95.0	95.0	95.0
hindu	2	2.0	2.0	97.0
buddha	2	2.0	2.0	99.0
kristian	1	1.0	1.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Bangsa

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid melayu	95	95.0	95.0	95.0
cina	2	2.0	2.0	97.0
india	2	2.0	2.0	99.0
lain-lain	1	1.0	1.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Negeri

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid negeri asal terengganu	75	75.0	75.0	75.0
negeri asal bukan terengganu	25	25.0	25.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Daerah

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid daerah dalam negeri terengganu	90	90.0	90.0	90.0
daerah luar negeri terengganu	10	10.0	10.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Status

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid bujang	68	68.0	68.0	68.0
berkahwin	27	27.0	27.0	95.0
janda/duda	5	5.0	5.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Pendidikan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid PMR/SRP	16	16.0	16.0	16.0
SPM/MCE	50	50.0	50.0	66.0
STPM	9	9.0	9.0	75.0
Ijazah dan ke atas	15	15.0	15.0	90.0
lain-lain	10	10.0	10.0	100.0
Total	100	100.0	100.0	

Pekerjaan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	kakitangan kerajaan	11	11.0	11.0	11.0
	pelajar	21	21.0	21.0	32.0
	kakitangan swasta	43	43.0	43.0	75.0
	tidak bekerja	4	4.0	4.0	79.0
	bekerja sendiri	21	21.0	21.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Pendapatan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	RM 500 dan ke bawah	31	31.0	31.0	31.0
	RM 501 - RM 1000	33	33.0	33.0	64.0
	RM 1001 - RM 1500	15	15.0	15.0	79.0
	RM 1501 - RM 2000	6	6.0	6.0	85.0
	RM 2001 - RM 2500	3	3.0	3.0	88.0
	RM 2501 - RM 3000	8	8.0	8.0	96.0
	RM 3001 dan ke atas	4	4.0	4.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Tujuan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	bersiar-siar	55	55.0	55.0	55.0
	mengisi masa lapang	26	26.0	26.0	81.0
	mandi-manda	6	6.0	6.0	87.0
	berkhemah	5	5.0	5.0	92.0
	lain-lain	8	8.0	8.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Kekerapan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	setiap hari	8	8.0	8.0	8.0
	setiap hujung minggu	17	17.0	17.0	25.0
	masa lapang	59	59.0	59.0	84.0
	pertama kali	16	16.0	16.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Pengetahuan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sudah sedia maklum dari kawan-kawan	62	62.0	62.0	62.0
	melalui media massa	27	27.0	27.0	89.0
	risalah	7	7.0	7.0	96.0
	Total	4	4.0	4.0	100.0
		100	100.0	100.0	

Pendapat

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	pemandangan yang unik dan menarik	42	42.0	42.0	42.0
	sangat sesuai untuk aktiviti pelancongan	34	34.0	34.0	76.0
	biasa sahaja	24	24.0	24.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Kepuasan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak	49	49.0	49.0	49.0
	ya	51	51.0	51.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Komen

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tiada komen	51	51.0	51.0	51.0
	kurang kemudahan awam	35	35.0	35.0	86.0
	kurang aktiviti air	2	2.0	2.0	88.0
	kurang kawalan keselamatan	3	3.0	3.0	91.0
	kurang gerai jualan/kedai makan	1	1.0	1.0	92.0
	lain-lain	8	8.0	8.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Perancangan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak	36	36.0	36.0	36.0
	ya	64	64.0	64.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

Rancangan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tiada perancangan tambahkan kemudahan awam	36	36.0	36.0	36.0
	sedia peralatan aktiviti air tingkatkan kawalan keselamatan	42	42.0	42.0	78.0
	pelbagai gerai jualan lain-lain	5	5.0	5.0	83.0
		5	5.0	5.0	88.0
		4	4.0	4.0	92.0
		8	8.0	8.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

penilaian

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	tidak setuju	2	2.0	2.0	2.0
	kurang setuju	47	47.0	47.0	49.0
	setuju	47	47.0	47.0	96.0
	sangat setuju	4	4.0	4.0	100.0
	Total	100	100.0	100.0	

LAMPIRAN 4

```
GET
FILE='C:\Program Files\SPSS Evaluation\saza.sav'.
DATASET NAME DataSet1 WINDOW=FRONT.
REGRESSION
/MISSING LISTWISE
/STATISTICS COEFF OUTS R ANOVA
/CRITERIA=PIN(.05) POUT(.10)
/NOORIGIN
/DEPENDENT plan
/METHOD=ENTER puas gender Pengetahuan .
```

Regression

[DataSet1] C:\Program Files\SPSS Evaluation\saza.sav

Variables Entered/Removed(b)

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Pengetahuan, gender, puas(a)		Enter

a All requested variables entered.

b Dependent Variable: plan

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.603(a)	.364	.344	.39079

a Predictors: (Constant), Pengetahuan, gender, puas

ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	8.379	3	2.793	18.289	.000(a)
	Residual	14.661	96	.153		
	Total	23.040	99			

a Predictors: (Constant), Pengertahanan, gender, puas

b Dependent Variable: plan

Coefficients(a)

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta	B	Std. Error
1	(Constant)	1.228	.107	11.438	.000
	puas	-.442	.081	-.460	.000
	gender	-.221	.084	-.214	.010
	Pengetahuan	-.139	.051	-.230	.008

a Dependent Variable: plan

PERANCANGAN BAGI PENGEKALAN PELANCONGAN DI PANTAI KEMASIK, TERENGGANU - NOR SAZARINA BINTI MOHD AZMI